

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIVAKUMAR A/L
VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang status bebas cukai Pulau Pangkor. Apakah rancangan masa hadapan. Adakah status bebas cukai Pulau Pangkor diselaraskan dengan Pulau Langkawi dari segi harga dan jenis barangan yang disenaraikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pulau Pangkor telah diwartakan sebagai Pulau Bebas Cukai berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020. Pewartaan Pulau Bebas Cukai Pangkor meliputi Pulau Pangkor dan pulau-pulau kecil yang lain di sekelilingnya kecuali Pangkor Laut dan Pulau Marina.

Pengisytiharan Pulau Bebas Cukai Pangkor adalah sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk menggalakkan lagi industri perdagangan dan pelancongan di Negeri Perak. Ia juga bagi menyokong hasrat Kerajaan Negeri Perak yang komited untuk terus memacu sektor pelancongan sebagai salah satu jentera utama pertumbuhan sektor perkhidmatan negeri dan meningkatkan penglibatan lebih ramai rakyat tempatan dalam aktiviti pelancongan.

Mengenai rancangan masa depan Pulau Pangkor, *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA), selaku Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Utara (NCER), turut membantu Kerajaan Negeri Perak dalam menetapkan hala tuju dan menyusun strategi berkaitan pembangunan sosioekonomi di wilayah NCER melalui Pelan Pelaksanaan Strategik Pulau Pangkor. Pelan ini telah menyenaraikan cadangan projek yang boleh dilaksanakan untuk membangunkan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai dalam tiga sektor utama, iaitu pembangunan infrastruktur, pembangunan pelancongan dan pembangunan modal insan.

Projek pembangunan infrastruktur yang dijadikan keutamaan dalam Pelan berkenaan adalah pembangunan Kompleks Jeti Penumpang Pulau Pangkor, pembesaran Jeti Kargo di Sungai Pinang Besar dan pembangunan kompleks kedai barangan bebas cukai di Pasir Bogak dan Teluk Dalam. Bagi sektor pelancongan pula, pihak NCIA telah menyenaraikan beberapa projek seperti pembangunan pusat konservasi penyu di Teluk Ketapang, *Pangkor Zipline Flyer* dan pembangunan fasiliti pelancongan di Teluk Nipah sebagai *Sunset*

Beachfront. Manakala bagi pembangunan modal insan pula, pihak NCIA menyenaraikan beberapa program latihan kemahiran yang melibatkan pemandu teksi, golongan belia dan usahawan di Pulau Pangkor.

Dari segi status bebas cukai, semua barangan yang diimport ke Pulau Pangkor adalah bebas cukai kecuali produk petroleum dan kenderaan bermotor yang tertakluk kepada duti / cukai, sepertimana status Pulau Bebas Cukai Tioman. Berbanding dengan Pulau Bebas Cukai Langkawi, kemudahan bebas cukai boleh dinikmati ke atas semua barangan kecuali produk petroleum, simen, marmar, getah dan ikan bilis. Pengenaan duti / cukai ini adalah bertujuan melindungi perusahaan tempatan yang menghasilkan produk simen, marmar, getah dan ikan bilis di Langkawi.

Sungguhpun begitu, layanan bebas cukai bagi pelancong adalah selaras di semua Pulau Bebas Cukai Langkawi, Labuan, Tioman dan Pangkor. Pelawat tempatan dan pelancong asing yang pulang dari Pulau Bebas Cukai setelah berada di pulau berkenaan tidak kurang dari 48 jam adalah layak untuk menikmati pengecualian duti import ke atas barangan tertentu yang tersenarai di bawah Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Pindaan) (No. 4) 2019 tertakluk kepada had barangan yang ditetapkan.

Dari segi pelarasan harga barangan di antara Pulau Bebas Cukai, walaupun diberi layanan bebas cukai namun Kerajaan tidak mengawal harga jualan barangan bebas cukai di semua Pulau tersebut. Harga jualan barangan bebas cukai boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kos pengeluaran, pengiklanan, pengangkutan dan pengedaran serta faktor lain termasuk permintaan dan penawaran barangan di pasaran. Secara prinsipnya, status bebas cukai akan menjadikan harga barangan bebas cukai di semua Pulau Bebas Cukai lebih berdaya saing berbanding produk sama yang dijual di Kawasan Utama Kastam yang dikenakan duti / cukai.

Sekian, terima kasih.